

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : DATO' MANSOR BIN OTHMAN  
DARIPADA [ NIBONG TEBAL ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

Dato' Mansor bin Othman [ Nibong Tebal ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kementerian telah menggubal Prosedur Operasi Standard (SOP) yang baharu bagi mencegah kebocoran soalan peperiksaan pada masa depan. Perincikan kandungan serta kaedah pelaksanaan SOP baharu tersebut.

**JAWAPAN**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Jawatankuasa Bebas Mengkaji Pengurusan Peperiksaan Awam Kendalian Lembaga Peperiksaan yang ditubuhkan dengan kuasa YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan Malaysia pada 12 September 2014 dan dipengerusikan oleh YBhg Tun Dato' Seri Zaki Tun Azmi, Mantan Ketua Hakim Negara telah mencadangkan lima belas (15) syor penambahbaikan proses kerja pengurusan peperiksaan awam. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memperakukan syor-sor tersebut dan dilaksanakan dalam tempoh jangka masa pendek (JP) untuk dilaksanakan serta merta atau dalam tempoh enam (6) bulan, jangka masa sederhana (JS) untuk dilaksanakan dalam tempoh 6 - 12 bulan dan jangka masa panjang (JG) untuk dilaksanakan dalam tempoh 1 - 3 tahun. Syor penambahbaikan bagi mencegah kebocoran soalan peperiksaan adalah seperti berikut:

<b>Bil</b>	<b>Perkara dan Isu</b>	<b>Syor Penambahbaikan</b>
1.	Pelantikan Ahli Panel	<p>Cadangan (JP)</p> <p>Ahli panel menandatangani dokumen mengesahkan surat pelantikan panel/jemputan mesyuarat panel yang diterima masih berlakri.</p>
2.	Penyimpanan Item Dalam Bank Item	<p>Cadangan (JP)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Lembaga Peperiksaan (LP) menyediakan spesifikasi item dan mempelawa guru-guru mata pelajaran menggubal item berdasarkan spesifikasi dan menghantar item-item tersebut ke LP secara berterusan melalui media elektronik.</li> <li>• LP melatih guru dalam aspek pembinaan dan penilaian item dan mentauliahkan guru yang mahir sebagai ahli panel penilaian item.</li> <li>• LP membangunkan satu sistem (aplikasi) bank item berkomputer yang lebih sistematik dan terkawal keselamatannya bagi tujuan penyimpanan item.</li> </ul>
3.	Penjanaan Kertas Peperiksaan	<p>Cadangan (JG)</p> <p>Membangunkan satu sistem aplikasi berkomputer yang lebih sistematik dan berciri keselamatan bagi tujuan penjanaan kertas peperiksaan secara rawak tetapi setara berdasarkan Jadual Spesifikasi Ujian.</p>
4.	<p>Pengurusan Pusat Peperiksaan</p> <p>a) Penyimpanan Kertas Peperiksaan</p>	<p>Cadangan (JP)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Setiap pusat peperiksaan dibekalkan sekurang-kurangnya sebuah almari besi berpalang dengan kunci keselamatan.</li> </ul>

<b>Bil</b>	<b>Perkara dan Isu</b>	<b>Syar Penambahbaikan</b>
		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kunci keselamatan hendaklah disimpan oleh Ketua Pengawas sepanjang tempoh peperiksaan.</li> </ul>
5.	Arahān Kepada Pencetak <ol style="list-style-type: none"> <li>Penggunaan Sistem <i>Barcode</i> Pada Kertas Peperiksaan</li> <li>Penyeragaman Label Sampul Pada Kertas Peperiksaan</li> <li>Pembungkusan dan Pengotakan Kertas Peperiksaan</li> </ol>	<p>Cadangan (JG)</p> <p>Pencetak SULIT menggunakan sistem <i>barcode</i> pada setiap kertas peperiksaan supaya setiap kertas peperiksaan adalah unik bagi setiap pusat peperiksaan.</p> <p>Cadangan (JP)</p> <p>Penggunaan label yang seragam disediakan oleh semua pencetak bagi peperiksaan. Label diseragamkan warna mengikut sidang.</p> <p>Contoh:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Label hijau untuk sidang 1</li> <li>• Label kuning untuk sidang 2</li> <li>• Label merah untuk sidang 3</li> </ul> <p>Cadangan (JP)</p> <p>Pencetak membuat:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembungkusan kertas peperiksaan dalam sampul plastik dibungkus secara vakum atau shrinkwrapping untuk mengurangkan kemungkinan dicerobohi.</li> <li>• Pengotakan mengikut permintaan setiap pusat peperiksaan berdasarkan arahan Lembaga Peperiksaan.</li> </ul>
6.	Keselamatan di Bilik Kebal <ol style="list-style-type: none"> <li>Keselamatan di Bilik Kebal</li> </ol>	<p>Cadangan (JP)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• CCTV yang dipasang hendaklah mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan oleh Pejabat Ketua</li> </ul>

<b>Bil</b>	<b>Perkara dan Isu</b>	<b>Syor Penambahbaikan</b>
		<p>Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia dan Cybersecurity Malaysia.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bilangan CCTV hendaklah dibekalkan berdasarkan saiz bilik kebal supaya keseluruhan kawasan dalam bilik kebal dapat diawasi dan kualiti gambar boleh menunjukkan imej dengan jelas.</li> <li>• Pergeraka keluar masuk ke bilik kebal dicatat dalam buku log dan disemak/diaudit.</li> </ul>
7.	Pergerakan SULIT	<p>Dokumen</p> <p>Cadangan (JS)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bahagian Produksi akan diperluaskan skop tugas daripada proses pembinaan item, penghasilan kertas peperiksaan, penghantaran kertas peperiksaan ke pencetak sehingga kepada arahan mass printing kepada pencetak</li> <li>• Unit Percetakan SULIT ditempatkan di premis yang sama dengan Bahagian Produksi untuk mengehadkan pergerakan dokumen bahan SULIT.</li> </ul>